

28 MAR 2002

MAHATHIR-BESI/I

CEBURI BIDANG PEMBUATAN KELULI, ALUMINIUM BESAR-BESARAN

SHAH ALAM, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa syarikat-syarikat Malaysia supaya menceburi bidang fabrikasi produk keluli dan aluminium secara besar-besaran.

Penceburan ke dalam bidang fabrikasi produk keluli dan aluminium akan membantu negara mengurangkan pergantungan kepada eksport produk elektronik, katanya di majlis pelancaran kren pertama yang dibina di Malaysia oleh Favelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd, di sini.

"Saya yakin syarikat ini akan mendapat kejayaan pada masa depan," katanya sambil memuji Favelle Favco, anak syarikat Muhibbah Engineering (M) Bhd, kerana melancarkan kren pertama buatan Malaysia ini.

Beliau juga berkata kerajaan akan memberikan sokongan penuh kepada syarikat yang dapat mengeluarkan produk berkualiti yang memenuhi piawaian antarabangsa.

"Kerajaanpun bersedia menyediakan dana bagi penyelidikan dan pembangunan, jika perlu," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana Malaysia merupakan negara perdagangan, terdapat keperluan segera untuk meningkatkan eksport. Jumlah dagangan negara, katanya, menyumbang 200 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Ia menunjukkan betapa pentingnya perdagangan antarabangsa kepada kita," katanya.

Oleh itu, beliau menggesa para pengeluar membangunkan produk yang lebih baik agar dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau juga berkata industri makanan turut dikenal pasti sebagai satu lagi bidang yang dipupuk untuk eksport dalam usaha untuk mengukuhkan ekonomi.

Sementara ketika sidang media selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata Malaysia berhasrat hendak memastikan prospek ekonomi yang lebih baik tahun ini.

"Saya tetap mengatakan pertumbuhan 3.0 hingga 3.5 peratus," katanya, menyentuh tentang unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi tahun ini.

Beliau juga berkata kerajaan akan menubuhkan sebuah pusat pameran yang besar di Bahrain di mana produk-produk Malaysia boleh dipamerkan di situ.

Beliau berharap pekilang-pekilang tempatan akan mempamerkan produk mereka dan menunjukkan rekod pencapaian barangan yang mereka keluarkan bagi pasaran antarabangsa. -- BERNAMA

RIZ ER KTC KY JR